



**PEJABAT MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Tingkat 6, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26931678, 26279774/9775 Faks: 03-26988071
Laman web: www.kwpkb.gov.my

KENYATAAN MEDIA

oleh :

YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

DATO' AHMAD PHEsal TALIB DILANTIK DATUK BANDAR KUALA LUMPUR YANG BAHARU

PUTRAJAYA, 25 Jun 2012 – Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, YBhg Dato' Ahmad Phesal Talib, 58 tahun dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu untuk tempoh 2 tahun berkuatkuasa 18 Julai 2012. Beliau menggantikan YBhg Tan Sri Ahmad Fuad Ismail yang tamat tempoh kontraknya pada 15 Julai 2012.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, YB Dato' Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata pelantikan Dato' Ahmad Phesal sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang ke-10 telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut subseksyen 4(2) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [Akta 190].

DATUK BANDAR BERKREDIBILITI :

Katanya, Dato' Ahmad Phesal yang telah berkhidmat selama 35 tahun dalam perkhidmatan awam, mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam pentadbiran, pembangunan dan perancangan wilayah serta pengurusan kerajaan tempatan

sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 2007.

Dato Raja Nong Chik juga berkata semasa memegang jawatan Ketua Setiausaha kementerian, beliau terlibat secara langsung dengan dasar-dasar mengenai Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur, seperti; *Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley, River of Life* serta program-program pembangunan lain di ibu kota; dan ini akan memudahkan beliau menjalankan tugas sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur kelak.

Mengulas mengenai kontrak perkhidmatan Tan Sri Ahmad Fuad yang tamat pada 15 Julai 2012, Dato' Raja Nong Chik merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kerana sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur, pelbagai perkara dasar dan pelaksanaan di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dapat dilakukan dengan baik dan berkesan, lebih-lebih lagi cabaran beliau sebagai Datuk Bandar yang berdepan dengan majoriti kawasan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang diwakili Ahli Parlimen Pembangkang.

LATAR BELAKANG YBHG DATO' AHMAD PHEMAL TALIB :

YBhg Dato' Ahmad PheMAL Talib berasal dari Kedah, dilahirkan pada 12 Julai 1954 dan merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Antropologi & Sosiologi dari Universiti Malaya pada tahun 1977.

Beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan dianugerahi Sarjana Perancangan Bandar dan Wilayah oleh University of Wisconsin, Amerika Syarikat pada 1984 dan ketika itu beliau sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Pada 2005, beliau memperolehi Diploma in Advanced Management dari Harvard Business School, Boston Amerika Syarikat.

Sepanjang berkhidmat selama 35 tahun dalam kerajaan, beliau mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam urusan pentadbiran, pembangunan dan perancangan wilayah serta pengurusan kerajaan tempatan. Berikut adalah jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam yang pernah disandang oleh beliau;

- Penolong Pengarah / Ketua Penolong Pengarah
Unit Perancang Ekonomi, JPM -
(1977 – 1982)
- Penolong Penyelaras / Penyelaras Program (Pembangunan Luar Bandar)
INTAN, Kampus Wilayah Utara
(1984-1990)
- Ketua Penolong Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)
Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Cawangan Labuan JPM
(1990-1991)
- Setiausaha Majlis Perbandaran Labuan
(1991-1996)
- Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
(1996-2001)
- Pengarah Tanah dan Galian
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Pulau Pinang
(2001-2003)
- Yang Dipertua Majlis Perbadandaran Pulau Pinang
(2003-2006)
- Timbalan Ketua Pengarah (Pemantauan dan Penilaian)
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM
(2006-2007)
- Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan
Bandar
(2007-2012)

Sepanjang perkhidmatan, beliau turut dianugerahi Pingat, Bintang dan Darjah Kebesaran seperti berikut:

- Ahli Mangku Negara (AMN) - 1998
- Bintang Cemerlang Negeri Pulau Pinang (B.C.N) - 1998
- Johan Mahkota Negeri (J.M.N), Pulau Pinang - 2001
- Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N), Pulau Pinang - 2003

Sekian, untuk siaran media.

YB DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

25 JUN 2012, PUTRAJAYA